



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **INSTITUT SOSIAL MALAYSIA TERBITKAN BUKU PELBAGAI GENRE SEBAGAI RUJUKAN PROFESION DAN PRAKTIS KERJA SOSIAL DI MALAYSIA**

**PUTRAJAYA, 11 Oktober** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menerbitkan tiga naskhah buku berkaitan kumpulan sasaran KPWKM dan profesion kerja sosial. Usaha penerbitan ini adalah salah satu inisiatif KPWKM untuk mempromosikan sistem perkhidmatan serta melatih pegawai kebajikan yang kompeten bukan hanya dalam kemahiran tugas kerja sosial di lapangan tetapi juga mempunyai kemahiran menulis berkaitan amalan dan praktis kerja sosial yang masih lagi kurang di negara ini untuk dijadikan rujukan profesion kerja sosial di Malaysia.

Sebagai institusi latihan awam dalam bidang sosial yang ditubuhkan sejak tahun 2002, ISM menerbitkan buku-buku dalam pelbagai genre khususnya mengenai kumpulan sasaran KPWKM dan bidang dan praktis kerja sosial yang dihasilkan secara konsisten bagi mendokong aspirasi ISM dalam melatih dan membangunkan profesion pekerja dan pengamal sosial daripada pelbagai latar belakang yang berbeza.

Tiga terbitan yang telah dilancarkan hari ini ialah buku *Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU* edisi kedua, *Isu-Isu Polisi dan Perundangan Sosial di Malaysia* dan *Refleksi Pekerja Sosial: Sebuah Praktis di Kota Metropolitan* yang diyakini akan dapat memberi inspirasi dan menjadi rujukan kepada golongan yang disasarkan.

Dalam buku “Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU edisi kedua, ia menampilkan 32 kisah individu OKU yang berjaya dalam bidang masing-masing merangkumi lima bidang iaitu akademik, kemasyarakatan, kesenian, keusahawan dan kesukanan. Buku kisah kejayaan OKU ini diterbitkan sebagai apresiasi menghargai kejayaan-kejayaan OKU yang menyumbang jasa dan bakti kepada negara sehingga menjadi sosok terampil yang diharap dapat memberi motivasi kepada orang ramai dan OKU lain untuk terus berusaha tanpa mengenal putus asa. Kisah-kisah OKU ini membuktikan mereka juga mampu berdikari dan berjaya dalam pelbagai bidang.

“Sudah pasti kisah-kisah kejayaan insan istimewa ini akan menjadi inspirasi kepada masyarakat dan menjadi motivasi kepada golongan kurang upaya (OKU) untuk maju dan berjaya seperti orang lain juga” menurut Datuk Seri Rina Mohd Harun, *Caretaker* Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa pelancaran buku ini tadi. “Kisah-kisah sarat pengalaman dan inspirasi seperti ini sangat baik untuk dijadikan pedoman buat masyarakat. Masyarakat kita memerlukan motivasi untuk berjaya” ujar beliau lagi.

Manakala buku *Isu-Isu Polisi dan Perundangan Sosial di Malaysia* pula mengupas isu-isu perundangan dan polisi sosial yang berkaitan di bawah agensi KPWK. Buku ini sesuai untuk semua pekerja sosial, para pelajar dalam bidang Kerja Sosial di seluruh Malaysia, individu yang berkhidmat dalam perkhidmatan menolong dan masyarakat umum yang berminat untuk memahami isu yang dibincangkan daripada perspektif pekerja sosial.

Buku Refleksi Pekerja Sosial: Sebuah Praktis di Kota Metropolitan pula mengandungi 14 buah artikel yang mengupas beberapa isu dan pengalaman praktis kerja sosial bersama kelompok miskin bandar. Buku ini menggambarkan emosi kumpulan miskin bandar yang selalu merasa tersisih dan sering menjadi stigma masyarakat. Berlaku peningkatan ke atas kes kesihatan mental dalam kalangan masyarakat bandar akibat situasi kehidupan hari ini yang menekan, maka pengalaman membantu kelompok miskin bandar menjadi fokus utama perkongsian buku ini.

Turut hadir dalam majlis pelancaran tersebut ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah Mohd Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Dr. Faridah binti Awang, Pengarah Institut Sosial Malaysia dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

**#####**

**Unit Komunikasi Korporat dan Kolaborasi Strategik  
Institut Sosial Malaysia  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**